

**SENIMAN VISUAL MALAYSIA: KEPUASAN KERJA, KOMITMEN DAN
PRODUKTIVITI DALAM PROSES PENGHASILAN KARYA**
***MALAYSIAN VISUAL ARTISTS: JOB SATISFACTION COMMITMENT
AND PRODUCTIVITY DURING THE PRODUCTION PROCESS***

Syed Alwi Syed Abu Bakar^{*1}

Mohd Fawazie Arshad²

Azian Tahir³

Aznan Omar⁴

Noor Enfendi Desa⁵

*^{1,2,3,4} Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar; 32610 Perak, Malaysia.*

**Corresponding author. Email: syeda214@uitm.edu.my*

Tarikh diterima: 5 Julai 2021 / Tarikh dihantar: 2 September 2021

ABSTRAK

Menghasilkan karya seni adalah aktiviti utama seniman visual yang melibatkan budaya kerja seniman visual. Komitmen dan kepuasan kerja merupakan dua perkara yang mempengaruhi produktiviti seniman visual. Untuk meningkatkan produktiviti, seniman visual harus mempunyai perancangan yang baik dalam pengurusan sumber dan manusia. Walau bagaimanapun, adalah rumit bagi seniman visual kerana mereka tidak mengeluarkan hasil secara pukal, sebaliknya menghasilkan karya mengikut keperluan. Permasalahan utama kepada seniman visual adalah dari aspek pengurusan kerana mempengaruhi komitmen, kepuasan kerja dan produktiviti seniman visual. Oleh hal yang demikian, penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti komitmen dan kepuasan kerja seniman visual serta melihat hubungannya dengan produktiviti. Penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan temu bual, pemerhatian dan mengkaji dokuman-dokumen sedia ada. Dapatkan menunjukkan seniman visual mempunyai komitmen dan kepuasan kerja yang tinggi namun kurang dari segi pengurusan yang mengakibatkan tahap produktiviti mereka manjadi kurang memuaskan. Justeru, seniman visual harus berani untuk berubah dan mengharungi cabaran yang lebih besar dengan menjadikan bidang seni visual ini sebagai satu industri yang mempunyai sistem pengurusan yang lebih efektif.

Kata kunci: Kepuasan kerja, komitmen, seni visual, produktiviti.

ABSTRACT

Visual artists' principal activity is to create artwork, which is important to their work culture. Commitment and job satisfaction are two characteristics that influence the output of visual artists. Visual artists should have a well-planned strategy for resource and human resource management in order to maximise production. However, more difficult for visual artists, as they do not generate work in mass, preferring to work on individual projects. Management is the key concern for visual artists, as it affects their commitment, job satisfaction, and productivity. As such, the goal of this study is to evaluate the dedication and job satisfaction of visual artists, as well as their relationship to production. Interviewing, observation, and a review of existing materials are used as research methodologies in this study. The findings indicate that visual artists exhibit a high degree of commitment and job satisfaction but a poor level of management, resulting in a decline in their level of production. Thus, visual artists must be willing to evolve and confront greater difficult issues by establishing a more effective management structure for the visual arts field.

Keywords: Job satisfaction, commitment, visual arts, productivity.

PENGENALAN

Pentadbiran adalah budaya yang perlu diterapkan untuk mengekalkan motivasi seniman visual dalam menghasilkan karya seni. Tahap komitmen seniman visual digabung dengan ketelitian pengurusan pekerjaan kemudian akan mendorong peningkatan produktiviti kerja kreatif. Keperibadian dan minat seorang seniman visual dalam menghasilkan seni adalah elemen penting dalam memastikan kepuasan mereka ketika berkarya. Hal ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti mereka. Namun begitu, ia tidak mencukupi untuk mengekalkan kelangsungan hidup seniman visual dalam industri. Oleh itu, pengurusan yang berkesan memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan produktiviti. Disiplin diri seorang seniman visual, perancangan dan strategi perlu diselaraskan untuk melindungi keprofesionalan mereka dalam industri seni visual. Sejumlah kajian telah dijalankan bagi menghubungkan kepuasan kerja dan komitmen dengan produktiviti secara umum, namun begitu hanya sedikit informasi yang tersedia tentang pengaruh kepuasan kerja dan komitmen terhadap produktiviti seniman visual dapat ditemukan dalam bidang seni visual Malaysia.

OBJEKTIF

Penyelidikan ini bertujuan untuk mencari jawapan bagi perkara berikut:

- i. Mengenal pasti tahap komitmen seniman visual di Malaysia.
- ii. Mengenal pasti tahap kepuasan kerja seniman visual di Malaysia.
- iii. Menganalisis hubungan antara komitmen dan kepuasan kerja dengan produktiviti seniman visual di Malaysia.

Untuk mendapatkan jawapan kepada objektif penulisan ini, para penyelidik mengenal pasti tahap kepuasan dan komitmen kerja seniman visual dalam proses penghasilan karya kreatif di Malaysia. Ia juga melibatkan hubungan antara dua faktor, iaitu komitmen kerja dan kepuasan kerja yang mana menyumbang kepada produktiviti seniman visual. Menerusi penyelidikan yang dilakukan oleh para penyelidik, didapati hanya ada sedikit kajian yang dilakukan oleh penyelidik lain yang berkaitan dengan permasalahan komitmen, kepuasan kerja dan produktiviti seniman visual. Oleh hal yang demikian, adalah sangat penting untuk membincangkan dan melakukan penyelidikan lebih lanjut mengenainya dan penemuan ini akan membawa kepada kaedah struktur kerja yang lebih baik untuk para seniman visual di Malaysia. Istilah komitmen kerja, kepuasan kerja dan produktiviti adalah perkara biasa dalam industri. Seniman visual juga tidak terkecuali daripada perkara tersebut. Seniman visual menganggap produktiviti adalah perkara subjektif, justeru sukar untuk memberikan definisi produktiviti dalam konteks seni visual. Walaupun begitu, komitmen pekerjaan adalah prasyarat dalam industri seni visual di Malaysia. Sebilangan besar seniman visual profesional bekerja sendiri tanpa sokongan kewangan daripada penaung atau penaja. Pernyataan ini didasarkan pada penemuan kajian Syed Alwi dalam tesis PhDnya yang bertajuk “Pengaruh persekitaran terhadap proses menghasilkan karya di kalangan pengarca muda Malaysia”. Komitmen pekerjaan yang tinggi adalah kunci untuk seniman visual yang berjaya berkembang dalam kerjaya mereka.

Kepuasan kerja adalah sinonim dengan seniman visual. Mereka sentiasa mendapat kepuasan daripada proses penghasilan karya seni mereka. Namun, apakah cukup sekadar bergantung pada kepuasan sebegini untuk mereka bertahan secara ekonomi dalam industri seni visual atau bagi menjadikannya sebagai sumber pendapatan mereka? Oleh itu, objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menganalisis tahap kepuasan kerja dan komitmen seniman visual dalam proses penghasilan karya seni di Malaysia serta hubungannya dengan produktiviti seniman visual.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif kajian, maka persoalan kajian adalah seperti berikut;

- i. Apakah tahap komitmen seniman visual di Malaysia?
- ii. Apakah tahap kepuasan kerja seniman visual di Malaysia?
- iii. Bagaimanakah hubungan antara komitmen dan kepuasan kerja dengan produktiviti seniman visual di Malaysia?

PERNYATAAN MASALAH

Penyelidikan yang berkaitan dengan komitmen, kepuasan kerja dan produktiviti seniman visual Malaysia adalah sangat kurang. Langkah ini membuka peluang kepada para penyelidik untuk terus membuat kajian bagi memberi manfaat kepada bidang seni visual. Namun begitu, agak sukar untuk mendapatkan maklumat yang tepat berdasarkan cara pengurusan kerja seniman visual. Oleh hal yang demikian, penyelidik telah memilih beberapa petikan dari jurnal yang berkaitan dengan pengurusan kerja. Antaranya, Chinthala (2014), budaya organisasi merangkumi pengurusan, pengambilan keputusan, peluang pekerjaan, penyelesaian masalah, membuat keputusan, keceriaan dan ruang kerja yang produktif. Ia perlu dipelajari oleh seniman visual untuk mengembangkan keperibadian yang relevan serta mengatur persekitaran kerja yang kondusif. Pernyataan ini disokong oleh Daud (2010) di mana menyatakan kepentingan organisasi berasal dari usaha semua yang terlibat. Oleh itu, penyelidikan yang mendalam perlu dilakukan untuk mengkaji hubungan antara kepuasan dan komitmen seniman visual dengan produktiviti seniman visual. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mendapatkan pemahaman yang jelas tentang subjek kajian sambil menambah nilai dalam kerjaya seniman visual. Oleh itu, cadangan berkenaan amalan berkesan dan maklumat berkaitan lain yang diperoleh daripada penyelidikan ini dapat dilaksanakan oleh seniman visual untuk meningkatkan kepuasan kerja, komitmen dan akhirnya produktiviti mereka. Seperti yang disebutkan oleh Syed Alwi (2016), bagi pengarca, tidak memadai untuk menentukan produktiviti mereka dengan hanya melihat kenaikan atau penurunan kos atau peningkatan atau penurunan penghasilan arca yang dibuat oleh mereka. Hal ini demikian kerana, karya seni kreatif yang dihasilkan oleh seniman dibuat berdasarkan permintaan dan tidak dihasilkan secara besar-besaran [20]. Namun begitu, seniman visual masih terikat dengan produktiviti yang mana melibatkan kos dan hasil. Ia bagi memastikan bidang seni visual ini boleh dijadikan satu industri yang boleh menjamin kelangsungan hidup seniman visual. Oleh hal yang demikian, keperluan antara komitmen, kepuasan kerja dan produktiviti adalah sangat penting dalam memperkasakan pengurusan industri seni visual.

KEPENTINGAN KAJIAN

Diharapkan penyelidikan ini memberi banyak manfaat sebagai usaha berterusan untuk memberi peluang kepada untuk pelbagai inisiatif terbaru dalam memperkasakan industri seni visual di Malaysia. Diharapkan juga penyelidikan ini dapat dijadikan rujukan yang berguna dalam pengurusan strategik organisasi, secara holistik dan realistik terutama kepada seniman visual Malaysia. Secara tidak langsung, ia membawa kepada peningkatan pendapatan dan memastikan kelangsungan pekerjaan yang berterusan dalam industri seni visual.

KAJIAN LITERATUR

Berkarya merupakan kecekapan seniman visual yang paling penting. Ia menentukan jalan dan tujuan mereka untuk mencapai cita-cita. Setelah menceburkan diri dalam bidang ini, secara naluri mereka berikrar untuk terus menyumbang untuk mencapai semua impian mereka. Disebabkan alasan ini, maka wajiblah bagi seniman visual untuk mendedikasikan komitmen sepenuhnya. Ia akan membantu meningkatkan kemahiran dan meningkatkan produktiviti mereka. Kepuasan kerja dan komitmen adalah dua faktor pemudah cara dalam mencapai matlamat seperti yang diketengahkan oleh Yusoff (2012) bahawa kedua-dua sifat tersebut juga digabungkan dalam kualiti kehidupan kerja, maka akan tercapailah hasrat organisasi (seniman). Sebelumnya, Gates dan Stone (1997) telah menjelaskan bahawa kepakaran atau kecekapan adalah kualiti perkhidmatan yang ditawarkan berkaitan dengan jumlah input. Oleh itu, seniman visual mesti bersedia untuk menyesuaikan sifat keperibadian mereka dengan pekerjaan mereka kerana ia akan menyumbang kepada kepuasan kerja sebagai seorang seniman ini akhirnya akan memperkuatkan komitmen mereka untuk menghasilkan lebih banyak karya seni visual dan berjaya menjualnya. Ali (2012) menyatakan, keserasian antara sifat dan tugas peribadi, serta jenis pekerjaan adalah kunci untuk menjamin kepuasan kerja, meningkatkan motivasi kerja dan meningkatkan produktiviti. Ia menyokong pernyataan sebelumnya oleh Laurie (2005) yang mengatakan bahawa kepuasan individu yang diperoleh daripada melakukan pekerjaan mereka dikaitkan dengan motivasi dan produktiviti mereka.

Perancangan adalah salah satu faktor utama dalam menguruskan isu dan cabaran dalam industri seni. Perancangan yang tidak efektif terutamanya dalam komitmen pekerjaan dan perancangan strategik akan menghasilkan seniman visual dan organisasi yang tidak cekap atau tidak berkesan. Menurut Bookeri dan Osmadi (2013), komitmen dan kepuasan kerja adalah sebahagian daripada aspek psikologi yang mempengaruhi peningkatan produktiviti, dan ia penting untuk diperhatikan.

Sebenarnya, aspek-aspek ini juga berkaitan dengan usaha dan komitmen para seniman visual terhadap pekerjaan mereka. Seniman visual seharusnya memberikan perhatian yang tidak berbelah bahagi untuk meningkatkan kepuasan kerja dan komitmen mereka dalam menghasilkan lebih banyak karya seni serta menjualnya. Selain itu, hubungan positif antara seniman dan kakitangan mereka (jika ada) perlu diperkuuhkan kerana ia membantu meningkatkan produktiviti kakitangan. Ishak (2005) menyatakan bahawa kebanyakan masalah disebabkan oleh manusia, maka adalah penting bagi organisasi untuk memahami tingkah laku dan sikap manusia. Produktiviti tidak hanya bergantung pada mesin tetapi ada faktor lain yang mempengaruhi, termasuklah komitmen dan kepuasan kerja. Ia memainkan peranan penting dalam menentukan produktiviti mereka. Hubungan antara dua faktor ini akan menghasilkan budaya kerja yang berkualiti dan positif yang akan memberi manfaat kepada seniman visual serta boleh meningkatkan produktiviti mereka.

METODOLOGI

Beberapa kajian telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkenaan hubungan antara kepuasan kerja, komitmen dan produktiviti dalam organisasi secara umum. Namun, terdapat kekurangan kajian atau penyelidikan yang berkaitan dengan industri seni visual dan keperluan untuk menjalankan penyelidikan itu sangat menuntut. Untuk kajian ini, data penyelidikan semasa dikumpulkan menggunakan kaedah kualitatif yang mengandungi banyak versi sumber yang berbeza untuk agar penyelidik dapat mengenal pasti proses kesesuaian penyelidikan.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan tiga pendekatan iaitu mengkaji data-data sedia ada, temu bual dan pemerhatian. Penyelidik telah menemu bual seramai 20 orang responden dari seluruh Malaysia, iaitu melibatkan lima dari bidang arca, sepuluh dari bidang catan dan lima dari bidang cetakan. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada mereka yang aktif berkarya. Pemilihan responden adalah seniman visual yang berumur 50 tahun ke bawah memandangkan mereka ini memerlukan sokongan dalam pengurusan pentadbiran dan mempunyai semangat yang tinggi untuk berkarya.

Dalam proses pengumpulan data para penyelidik telah meminjam teori J.J Winkleman, iaitu kumpul kategori, analisis dan guna. Berdasarkan teori ini, para penyelidik telah mengumpul semua data yang diperlukan secara holistik sebelum dikategorikan mengikut objektif dan persoalan kajian sebelum dianalisis dan digunakan. Melalui cara ini, para penyelidik akan dapat menumpukan kepada

data-data yang diperlukan sahaja untuk dimasukkan dalam penulisan. Pada masa yang sama, ia digabungkan dengan hasil temu bual yang telah dianalisis.

PERBINCANGAN

Kepuasan kerja, komitmen dan produktiviti mewakili komponen penting dalam menentukan jalan kerjaya seorang seniman visual. Kepuasan kerja merujuk kepada hasil yang dihasilkan dari produksi artistik. Sementara itu, komitmen adalah pengorbanan yang dilakukan oleh seorang seniman visual untuk melaksanakan tugas atau menghasilkan karya seni. Gabungan kepuasan kerja dan komitmen secara konsisten akan menghasilkan output atau dikenali juga sebagai produktiviti.

Kepuasan Kerja

Kajian ini berkisar pada kepuasan kerja dalam kalangan seniman visual dari pelbagai disiplin ilmu, termasuk catan, cetakan, arca dan lukisan. Hasil temu bual yang dilakukan dengan 20 orang seniman visual mendapati hampir semua seniman visual berpuas hati dengan apa yang mereka lakukan. Hal ini terbukti apabila kemahiran mereka diakui secara positif oleh masyarakat. Menerusi pengiktirafan tersebut, beberapa seniman visual juga telah diundang untuk menjadi perunding, pensyarah dan menawarkan untuk mengadakan pameran di dalam dan luar negara. Kepuasan kerja adalah elemen penting bagi seniman visual. Ia menjadi motivasi untuk memastikan kerjaya kreatif mereka sebagai seniman visual terus berkembang.

Keadaan kerja yang disokong oleh minat dan semangat akan menghasilkan karya kreatif yang menjurus kepada perkembangan budaya kerja yang positif. Komitmen seniman yang lebih tinggi akan membantu meningkatkan motivasi mereka untuk terus mencipta karya seni berkualiti tinggi dan juga dapat menimbulkan rasa kepuasan terhadap apa yang mereka lakukan. Kepuasan kerja ini sebenarnya merupakan elemen penting dalam meningkatkan semangat dan budaya kerja para seniman visual, seperti yang dinyatakan oleh Daud (2010), iaitu kepuasan kerja adalah elemen utama dalam meningkatkan semangat dan kemampuan pekerja. Untuk mencapai tahap kepuasan, usaha dan motivasi yang tinggi, penghargaan atau upah juga memainkan peranan penting kerana berfungsi sebagai motivator yang baik bagi seorang seniman visual untuk terus bekerja. Berdasarkan temu bual, didapati 15 daripada seniman visual mendapat penghargaan dari pelbagai sumber dan hanya enam seniman mendapat pulangan hasil yang memuaskan dan kebanyakannya adalah dari bidang seni catan.

Ganjaran adalah pemangkin untuk mendorong seseorang individu untuk terus bekerja dengan lebih kuat dan positif (Yusoff, 2012). Pendapat ini disokong oleh Daud (2010) yang mana beliau mempercayai bahawa upah memainkan peranan utama dalam meningkatkan kepuasan kerja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan besar bagi seniman visual untuk mengekalkan kepuasan mereka dalam menghasilkan karya seni yang mana ia merupakan struktur dan perancangan kerja. Masalah-masalah ini akan dapat diselesaikan dengan pengalaman dan tahun penglibatan dalam bidang seni, dan ia merupakan kelebihan kepada para seniman, seperti yang dinyatakan oleh Irdi (2011):

“... pengalaman kerja pekerja mempunyai hubungan langsung dengan kualiti perkhidmatan yang mereka tawarkan, kestabilan pekerja, kesungguhan dalam sikap kerja, penurunan tingkah laku kerja negatif seperti ketidakhadiran dan sifat pertimbangan yang boleh menyebabkan peningkatan prestasi organisasi.”

Hasil temu bual yang dijalankan mendapati kebanyakan seniman visual bekerja tidak mengikut masa tertentu yang mana hampir semua seniman visual mempunyai pekerjaan tetap atau sampingan. Mereka hanya bekerja bila terdapat masa yang terluang, bekerja pada malam hari atau hujung minggu sahaja. Ia boleh dikaitkan dengan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan, kestabilan kerja seniman, sikap dan kesungguhan, tingkah laku semasa berkarya serta bagaimana perancangan untuk memajukan bidang yang mereka ceburi. Semua ini merupakan kunci kepada kejayaan dan kelangsungan hidup seniman dan secara tidak langsung akan memberi kepuasan terhadap apa yang mereka lakukan.

Persekitaran kerja yang berkualiti dengan ganjaran yang sesuai dapat membantu meningkatkan tahap kepuasan kerja dan pada masa yang sama meningkatkan komitmen kerja. Berdasarkan pemerhatian para penyelidik mendapati persekitaran tempat kerja seniman visual adalah kurang kondusif dengan keadaan ruang yang sempit, ketidakemasan ruang, ketiadaan ruang penyimpanan karya dan kekurangan peralatan yang sesuai untuk menghasilkan karya. Perkara ini memberi kesan kepada produktiviti seniman untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Persekitaran yang kondusif memberi kelebihan kepada organisasi yang mengamalkan kualiti kerja dan perancangan pekerjaan yang hebat dalam bidang yang diceburi (Yusoff, 2012).

Komitmen

Selain kepuasan kerja, seniman visual juga harus memberi komitmen kepada apa yang diusahakan. Seniman visual harus mempunyai komitmen yang tinggi dalam menghasilkan karya seni mereka, dan sekiranya mereka mengabaikannya, maka tindakan ini akan menjadi penghalang kepada pencapaian visi atau impian mereka. Komitmen juga dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dalam kalangan seniman visual sehingga mereka sanggup bekerja dengan penuh dedikasi tanpa menghitung tenaga, masa dan wang mereka. Seniman visual perlu mencipta ruang kerja yang kondusif yang mana dapat membantu memupuk komitmen mereka dalam proses penghasilan karya seni. Komitmen pekerja (seniman visual) terhadap disiplin untuk bekerja (berkarya) juga secara tidak langsung dipengaruhi oleh keselesaan mereka semasa proses menghasilkan keluaran (karya seni) (Mohamad & Abiddin, 2011). Menerusi temu bual yang dijalankan didapati tahap komitmen seniman visual adalah tinggi di mana kesemua seniman visual memberi komitmen yang sepenuhnya dalam menghasilkan karya mereka walaupun dengan kekangan pekerjaan hakiki mereka.

Rancangan yang tepat dan matlamat yang ditentukan dengan baik juga diperlukan agar para seniman dapat memutuskan apa yang ingin dicapai dan bagaimana menjadikannya kenyataan. Menurut Mathis dan Jackson (2008), komitmen adalah tahap di mana pekerja (seniman visual) mempercayai dan menerima matlamat dan aspirasi organisasi (syarikat seniman). Oleh itu, komitmen dan kepuasan kerja yang lebih tinggi yang diterima oleh seniman visual akan meningkatkan proses dan penghasilan seni visual yang lebih baik. Walaupun komitmen seniman visual dalam menghasilkan karya seni adalah tinggi dan dapat meningkatkan dan mempercepatkan proses penghasilan karya, tetapi dari segi penghasilan adalah tidak memuaskan. Hal ini dapat dilihat pada jawapan responden berkaitan dengan jumlah penjualan karya sepanjang kerjaya mereka sebagai seniman visual, iaitu hanya enam daripada 20 responden yang berjaya memperoleh keuntungan.

Seperti yang dinyatakan oleh Bookeri dan Osmadi (2013) bahawa komitmen dan kepuasan kerja adalah dua aspek utama yang saling berkaitan kerana kedua-duanya melibatkan produktiviti. Lebih-lebih lagi ketika seniman visual dalam proses menghasilkan karya seni mereka akan bersandar pada aspek minat dan semangat. Daud (2010) menyatakan komitmen dapat ditafsirkan sebagai mempunyai kedua-dua aspek iaitu kesetiaan (minat) dan keterlibatan (semangat). Ia berdasarkan minat mendalam dan berlaku apabila sesuatu tindakan sesuai dengan gaya hidup dan kesukaan peribadi individu. Kesetiaan

dan penglibatan seniman visual juga membantu dalam membina komitmen yang dapat menyumbang kepada kepuasan kerja dan produktiviti mereka. Kesemua responden menunjukkan kesetiaan yang tinggi di mana semua telah berada dalam bidang kesenian ini melebihi lima tahun walaupun tidak mendapat pulangan yang sepatutnya.

Komitmen juga berkaitan dengan keinginan individu untuk terus bekerja atau melaksanakan pekerjaan. Komitmen seniman visual melibatkan perancangan tujuan, nilai dan kesediaan untuk menyumbang usaha mereka dalam menghasilkan karya seni berkualiti tinggi dan keinginan untuk terus menghasilkan karya seni yang berkualiti. Azlina (2012), menyebut bahawa ini adalah bukti bahawa aspek sikap dan tingkah laku membina komitmen organisasi (syarikat). Komitmen dalam organisasi juga sangat diperlukan oleh pekerja (seniman visual), di mana ia menjadi faktor penentu keberkesanan dan kejayaan seseorang individu terutama seorang pekerja (seniman visual) yang baik (Wan Shahrazad, Muhamad Ariff & M. Sukanthi, 2013). Oleh itu, untuk menentukan dan mencapai tujuan peribadi sebagai seniman, aspek kesetiaan, penglibatan dan usaha sangat diperlukan. Ia dapat membantu meningkatkan produktiviti dan keberkesanan seniman visual dalam penghasilan karya kreatif mereka. Namun begitu, agak mengecewakan bila persoalan berkaitan dengan perancangan strategi seniman visual kesemua responden menyatakan tiada perancangan yang khusus dibuat. Namun, mereka mempunyai semangat untuk pergi lebih jauh dalam bidang seni seperti ingin berkarya keluar negara serta mendapatkan kejayaan yang lebih dari apa yang diperoleh.

Dalam dunia seni, komitmen adalah janji, sama ada janji terhadap diri mereka sendiri atau terhadap orang lain atau pelanggan. Ia tidak hanya dinyatakan secara lisan, tetapi juga harus dibuktikan dalam keputusan seniman visual kerana komitmen mewakili pengabdian secara keseluruhan yang berasal dari dalam diri mereka. Oleh itu, adalah penting bahawa majikan (seniman visual) lebih bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan berbanding dengan pekerja (pembantu seniman visual) yang tidak memberikan komitmen terhadap kerja mereka (Hadayani, 2013). Keberkesanan dan kejayaan seniman visual atau individu ditentukan oleh ekspresi komitmen mereka. Lazimnya, kejayaan datang kepada mereka yang bekerja keras dan selalu bersedia untuk melakukan kerja tambahan berbanding dengan mereka yang kurang komited dalam melakukan pekerjaan mereka. Hasilnya, akan wujud kepuasan kerja yang lebih baik bagi para seniman, sesuai dengan masanya dan secara tidak langsung akan meningkatkan produktiviti mereka dalam menghasilkan karya kreatif.

Produktiviti

Cita-cita rakyat Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2025 telah menjadi antara faktor utama bagi seniman visual sebagai pendorong kepada peningkatan produktiviti yang berterusan. Ia adalah sebahagian daripada inisiatif Wawasan 2025 yang diberikan oleh pemerintah dalam Laporan Produktiviti Malaysia (2011). Definisi produktiviti seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam No. 6 adalah konsep yang menunjukkan hubungan antara input yang digunakan dan output yang dihasilkan oleh industri (seniman visual). Masalahnya adalah bagaimana untuk mengukur input dan output dalam bidang seni, di mana produk tersebut tidak dihasilkan secara besar-besaran atau secara pukal pada kadar tetap. Sebilangan besar karya seni dihasilkan kerana permintaan atau pilihan artis itu sendiri. Dalam tesis PhD, Syed Alwi (2016) menyatakan bahawa produktiviti dalam bidang seni boleh dinilai berdasarkan formula yang dibuat oleh Gates dan Stone (1997), yang berdasarkan kepada kecekapan dan keberkesanan. Kecekapan adalah tahap kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dari jumlah input yang ditentukan, sementara keberkesanan adalah tahap kepuasan pelanggan berdasarkan perkhidmatan. Melihat industri seni visual, produktiviti untuk memenuhi permintaan bakal pembeli mereka adalah penting. Untuk memenuhi tuntutan, produktiviti memainkan peranan besar walaupun tidak ada batasan terhadap permintaan tersebut. Seperti yang diketahui, produktiviti seniman visual dapat diukur berdasarkan kecekapan mereka dalam membuat karya seni dan ia berkait dengan perspektif kemampuan seniman visual untuk mengurus, komited dan memuaskan dalam penghasilan karya seni. Untuk menjadikan produktiviti meningkat, para seniman visual mesti merancang dan menguruskan koleksi bahan mentah mereka, proses membuat karya seni secara sistematik dan secara tidak langsung akan meningkatkan hasil dan penjualan karya seni mereka. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilakukan oleh kajian ini, para penyelidik mendapati bahawa hanya empat daripada 20 artis yang berjaya memastikan produktiviti mereka, manakala selebihnya gagal menguruskan produktiviti mereka. Untuk ini, kecekapan dan keberkesanan memainkan peranan penting dalam menentukan sejauhmana seniman visual dapat bertahan dalam bidang atau industri ini. Produktiviti cenderung memberi tumpuan yang lebih kepada aktiviti atau keputusan produksi karya seni berbanding dengan penghargaan yang diperoleh untuknya. Ia menjelaskan betapa pentingnya pengurusan dan perancangan yang baik untuk menghasilkan karya seni yang lebih besar berdasarkan produktiviti dan keberkesanan seniman. Oleh itu, rancangan pengurusan yang komprehensif dan menyeluruh dapat membantu seniman visual untuk meningkatkan produktiviti mereka. Ia menjelaskan mengapa seniman visual perlu terlibat secara serius dalam sistem pengurusan produksi seni visual. Apabila seniman visual terlibat

secara langsung dalam urusan pengurusan, rasa kesungguhan akan perlahan-lahan berkembang ke arah proses penghasilan karya seni. Azmi dan Ahmad (2008) menjelaskan bahawa tahap komitmen yang lebih tinggi terhadap sesuatu tugas menghasilkan tahap kesungguhan kerja yang lebih tinggi.

Bagi meningkatkan produktiviti dalam kalangan seniman visual, latihan dan pendedahan berterusan adalah sangat diperlukan. Tidak dapat dinafikan bahawa seniman visual dengan latihan yang mencukupi dan pendedahan berterusan dapat meningkatkan produktiviti mereka berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai latihan dan pendedahan yang mencukupi. Ann (2011) menyatakan, pendidikan formal sahaja tidak cukup untuk menghasilkan modal insan yang mahir tetapi perlu disokong dengan program praktikal untuk melatih pekerja yang berpotensi dan berkemahiran sebagai tambahan kepada pengetahuan mereka sebelumnya. Pernyataan ini selaras dengan Revolusi Industri 4.0 yang digerakkan oleh pemerintah Malaysia, yang mana menyatakan bahawa latihan sering tidak mencukupi kerana teknologi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan mutu pekerjaan ke tahap yang lebih tinggi. Kepelbagaiannya pengetahuan adalah kelebihan bagi seniman visual kerana mereka biasanya bekerja dengan pelbagai bahan dan teknik. Selain itu, pengetahuan dan kreativiti yang dimiliki oleh seniman visual bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat terhadap kualiti dan keunikan hasil karya seni mereka. Ia akan membantu meningkatkan produktiviti mereka dan mencetuskan persaingan sihat antara seniman visual di mana masing-masing mempunyai kepakaran tersendiri dalam menghasilkan karya seni mereka. Kepercayaan ini secara tidak langsung akan membawa kepada peningkatan nilai karya seni mereka dan secara automatik meningkatkan pendapatan dan motivasi mereka untuk menghasilkan lebih banyak karya seni yang berkualiti. Yusuff (2019) menyatakan, penghargaan yang konsisten dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti usaha kreatif seseorang. Penghargaan kepada seniman visual adalah penerimaan hasil karya mereka oleh masyarakat yang mana akan meningkatkan motivasi agar seniman visual menjadi lebih produktif. Hasil daripada ini juga akan menambahkan sumber pendapatan mereka untuk kelangsungan hidup sebagai seorang seniman.

KESIMPULAN

Hasil dari dapatan kajian ini, didapati faktor yang mempengaruhi komitmen dan kepuasan kerja seniman visual juga mempengaruhi tahap produktiviti mereka. Tahap komitmen yang lebih tinggi membawa kepada produktiviti seniman visual yang lebih tinggi. Komitmen dan kepuasan kerja saling berkaitan dengan aspek psikologi untuk meningkatkan produktiviti seniman visual. Seniman visual

harus fokus kepada dua aspek ini untuk memastikan kelangsungan minat mereka dan dapat menjadikan industri seni mampu bersaing dengan industri besar lain seperti yang ada di negara maju. Seniman visual mesti komited terhadap karya mereka agar mereka terus berjaya, sentiasa bersedia menghasilkan karya dengan cemerlang untuk mencapai harapan peminat seni tempatan dan masyarakat. Oleh itu, penyelidikan ini mendapati bahawa produktiviti memang dipengaruhi oleh hubungan antara komitmen dan kepuasan kerja. Dalam proses penghasilan karya seni, seniman visual harus mempunyai tahap komitmen dan kepuasan mereka yang tersendiri untuk memastikan produktiviti seniman visual sentiasa unggul dalam kerjaya yang dipilih serta bagi kelangsungan hidup mereka. Namun begitu, sokongan masyarakat dan kerajaan sangat diperlukan agar seniman visual dapat menikmati hasil yang sama seperti bidang lain. Pengiktirafan dan penghargaan terhadap seniman visual akan dapat meningkatkan komitmen dan kepuasan kerja mereka, sekali gus dapat meningkatkan produktiviti mereka. Seniman visual harus berani untuk berubah dan mengharungi cabaran yang lebih besar dengan menjadikan bidang seni visual ini sebagai satu industri yang mempunyai sistem pengurusan yang lebih efektif.

RUJUKAN

- Adey, N. H., & Bahari, F. H. (2010). Hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi [The relationship between emotional intelligence, job satisfaction and commitment towards an organization]. *Jurnal Kemanusiaan*, 16, 62-82.
- Ann, T. B., Noor, Z. M., & Siang, L. C. (2011). *Produktiviti pekerja dalam sektor perkhidmatan terpilih di Malaysia* [Productivity of workers in selected service sectors in Malaysia]. Melaka: PERKEM.
- Azrina Abu Bakar. (2012). *Psikologi industri dan pengurusan sumber manusia* [industrial psychology and human resource management]. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Azmi, I. B., & Ahmad, W. S. (2008). Pengaruh sikap dan demografi ke atas produktiviti kerja pensyarah Muslim [The influence of behaviour and demographics on Muslim lecturers' work productivity]: Lakian di Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 16(2), 321-344.
- Bookeri, M. N., & Atasya Osmadi. (2013). Produktiviti dan hubungannya dengan komitmen dan kepuasan kerja dalam organisasi pembangunan [Productivity and its relationship with commitment and job satisfaction in a developmental organization]. *Journal Design & Built*, 6, 12-13.
- Chinthala, G. (2014). Organizational climate a predictor of job satisfaction among teachers. *International Journal of Research (IJR)*, 1(6), 880-886.
- Christodoulou, E. (2013). Top 20 Skills You Need to Develop Your Career. Dilayari pada 1 Ogos 2018 daripada mystarjob.com/articles/story.aspx?file=/2013/6/22/mystarjob...sec=mystarjob

- Daud, N. (2010). Jaminan kerja dan hubungannya dengan kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi [Job security and its relationship between job satisfaction and commitment towards an organization].
- Gates, S., & Stone. (1997). Understanding Productivity in Higher Education. Dilayari pada 14 Jun 2012. <http://www.ucop.edu/acadinit/mastplan/ProjectH.pdf>
- Handayani, Yeni. (2013). Pentingnya komitmen dalam suatu perusahaan atau organisasi [The importance of commitment in a business and organization]. Dilayari pada 1 Ogos 2018. <https://www.kompasiana.com/yenie/552b8d966ea83449168b4569/> pentingnya-komitmen-dalam-suatu-perusahaan-atau-organisasi.
- Hussain, A. A. (2002). *Politik dan dasar awam Malaysia [Politics and Malaysia's public policy]* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- IRDA. (2012). IRDA study. Dilayari pada 17 Julai 2018 daripada http://www.irda.gov.in/ADMINCMS/cms/NormalData_Layout.aspx?page=PageNo129&mid=3.1.9
- Ishak, W. S. (2005). Pengaruh Personaliti dan Sikap Terhadap Produktiviti Kerja – Kajian Dikalangan Pensyarah Muslim Universiti Malaya [The Influence of Personality and Attitude towards Work Productivity – A study among Muslim lecturers in Universiti Malaya]. Kuala Lumpur.
- John, M. Ivanncevich & Robert Konopaske. (2006). Perilaku dan manajemen organisasi. *Behavior and organizational management*, 7(1), Erlangga, Jakarta.
- Laurie, N. (2005). Establishing development orthodoxy: Negotiating masculinities in the water sector. *Development and Change*, 36, 527–549.
- Markey, R., & Townsend, K. (2013). Contemporary trends in employee involvement and participation. *Journal of Industrial Relations*, 55(4), 475–487.
- Mohamad, M., & Abiddin, N. Z. (2011). Hubungan Budaya Organisasi dan Sub Budaya Terhadap Komitmen Pekerja [The Relationship between Organizational Culture and Sub-Culture towards Employees' Commitment]. *Dinamika Sosial Ekonomi*, 7(1), 79-85.
- Noor Mala Othman. (2014). Pengaruh tahap stres terhadap kepuasan kerja dalam kalangan pengajar Kolej Vokasional di negeri Pahang [The Influence of Stress Level towards Job Commitment among Vocational College Educators in Pahang]. Dilayari pada 30 Julai 2018, daripada eprints.uthm.edu.my/.../NOOR_MALA_BINTI_OTHMAN_24.pdf
- Pekeling Kemajuan Perkhidmatan Awam [Public Administration Development Circular] Bil. 6. (2013).
- Syed Alwi Syed Abu Bakar. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi proses penghasilan karya dalam kalangan pengarca muda di Malaysia [The influence of the environment on the process of producing works among young Malaysian sculptors]. Tesis PhD (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Teks Ucapan Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Majlis Penutup Persidangan Suruhanjaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia [Speech Text of Y.Bhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Closing Ceremony of the Malaysian Public Services Commission Conference]. (2012). Ipoh: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

- Wan Shahrazad, W.S., Muhamad Ariff, I., & M. Sukanthi, M. (2013). Peranan Tingkah Laku Kewargaan Organisasi sebagai Mediator dalam Hubungan antara Komitmen Organisasi dan Prestasi Tugas [The Role of Organizational Behavior as a Mediator in the Relationship between Organizational Commitment and Job Performance]. *Journal of Psychology and Human Development, 1* (1).
- Yusoff, M. K. (2012). Pendekatan Program Kualiti Kehidupan Bekerja (KKB) [The Quality of Working Life (QWL) Approach]. Dilayari pada Januari 2013, daripada Md Kamal Yusoff: <http://mdkamalyusoff.blogspot.com>

